

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/2

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 1

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 11 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Kerjaya sebagai seorang pereka fesyen sememangnya bukan sesuatu bidang yang mudah diceburi. Menghadiri kursus rekaan fesyen sahaja tidak mencukupi untuk seseorang itu berjaya. Mereka perlu memiliki bakat kerana fesyen ialah sesuatu yang mudah berubah mengikut arus masa.

Seorang pereka fesyen mesti peka dengan trend semasa dan sentiasa (1) sesuai ciptaan mereka mengikut perubahan terkini. Sekiranya tidak, pakaian yang (2) cipta oleh mereka pasti tidak akan laku dalam (3) pasar.

Selain itu, seorang pereka fesyen juga perlu peka tentang budaya dan gaya hidup para (4) beli pakaian mereka. Terdapat pereka fesyen yang mempunyai daya kreativiti yang mantap. Mereka berupaya menggabungkan corak tradisional dengan corak moden. Pereka fesyen (5) umpama itulah yang sering mendapat sambutan. Sebabnya ialah rekaan mereka pastinya unik dan eksklusif.

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) garam jatuh ke air
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) kusut di hujung bawa ke pangkal
- (D) seperti anak ayam kehilangan ibu
- (E) jauh hari juga yang mengenal manikam
- (F) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- (G) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (H) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (I) harapkan (mendengar) guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Meena ialah pemilik sebuah Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME). Namun mulutnya agak lancang dan langsung tidak mengamalkan sikap ____ (6) ____ apabila bertutur. Disebabkan itu, sesetengah kakitangannya juga berkelakuan serupa dengan majikan mereka sehingga percakapan mereka langsung tidak beralas dan kadang-kala menggores perasaan teman sekerja yang lain. Maklumlah, ____ (7) ____.

Setiap tahun, syarikat SME perlu menjalani proses audit. Seorang konsultan yang mengaudit perusahaannya berkata syarikatnya akan perlu mengambil risiko lebih besar dan meluaskan pelaburannya untuk semakin berjaya. Meena percaya bulat-bulat nasihat konsultan itu kerana beranggapan bahawa ____ (8) ____ dan kewibawaannya tidak perlu dipersoalkan.

Tanpa menilai keadaannya lebih teliti, Meena melaburkan seluruh simpanannya bagi ____ (9) _____. Malah, satu sen pun tidak disimpan untuk saat-saat genting yang boleh berlaku tanpa diduga.

Disebabkan sikapnya yang tidak ____ (10) ____ syarikatnya terpaksa menggulung tikar setelah mengalami kerugian besar akibat pelaburannya yang merundung.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

dari	memerangi	pendekatan
daripada	menghidapi	saluran
malah	meskipun	

Wadah Penilaian Risiko Kencing Manis (DRA) yang membantu menilai risiko kencing manis kini semakin banyak digunakan oleh rakyat Singapura. ____ (11) ____, 20% pengguna daripada golongan lebih muda yang menggunakan DRA didapati berisiko ____ (12) ____ penyakit kencing manis. DRA juga digunakan lebih kerap sejak ia diketengahkan dalam Kenyataan Belanjawan 2018, sebagai cara untuk ____ (13) ____ penyakit diabetes.

Jumlah penggunaan DRA meningkat lebih dua kali ganda sejak Belanjawan tahun 2018. Sehingga 31 Disember tahun itu, ____ (14) ____ itu telah digunakan lebih 270,000 kali dan 17% ____ (15) ____ pengguna yang mengambil bahagian dalam tinjauan Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB) mendapati diri mereka lebih berisiko mengalami penyakit kencing manis.

Di bawah program 'Screen For Life' kendalian HPB, sekitar 5,000 daripada mereka telah ditawarkan pemeriksaan bersubsidi.

11. _____

12. _____

13. _____


14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1



KARNIVAL KELUARGA

TARIKH: 30 OKTOBER

TEMPAT: DEWAN
SEMARAK

HARGA TIKET:

\$5 bagi orang dewasa

\$3 bagi kanak-kanak
(bawah 12 tahun)

Lebih 30 gerai permainan untuk menghiburkan semua – daripada permainan semudah baling damak, sehingga yang lebih mencabar seperti trampolin terbalik untuk memuaskan adrenalina anda! Pelbagai hadiah menarik untuk dimenangi di setiap gerai!

PERADUAN 3G

Swafoto bersama ibu bapa serta datuk nenek di Pondok Foto kami dan berpeluang memenangi pakej percutian untuk 6 orang ke Brisbane. Hadiah juga akan diberikan kepada tiga gambar paling kreatif.

Ditaja sepenuhnya oleh Agensi Pelancongan Chan's Uncle Holidays.

CABUTAN BERTUAH

Daftar nombor bersiri yang tertera pada tiket anda menerusi aplikasi mudah alih FAMILY@SG untuk menyertai cabutan bertuah dan berpeluang memenangi pakej percutian 4 hari 3 malam di Hotel Suka-Suka. Lain-lain hadiah termasuk iPhone terkini dan tablet Microsoft Surface.

*Tertakluk kepada terma dan syarat.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Pakej percutian di Hotel Suka-suka mungkin dimenangi sekiranya seseorang _____.
- (A) bermain baling damak
 - (B) menyertai cabutan bertuah
 - (C) bermain di trampolin terbaik
 - (D) mengambil swafoto bersama ibu bapa ()
17. Jika seseorang mengambil gambar bersama ibu, bapa, datuk serta nenek, dia mungkin memenangi hadiah utama iaitu _____.
- (A) tablet Microsoft Surface
 - (B) telefon pintar iPhone yang terkini
 - (C) pakej percutian untuk 6 orang ke Brisbane
 - (D) pakej percutian 4 hari 3 malam ke Brisbane ()
18. Kesemua pernyataan yang berikut adalah tepat **kecuali** _____.
- (A) karnival itu diadakan di Dewan Semarak
 - (B) terdapat sekurang-kurangnya 30 gerai permainan yang disediakan
 - (C) kanak-kanak berusia 9 tahun boleh menyertai karnival itu secara percuma
 - (D) karnival itu ditaja sepenuhnya oleh Agensi Pelancongan Chan's Uncle Holidays ()

KELUARAN SASTERA TERKINI!

WAHEEDAH

Karya: Aziz M Osman

Genre: Fantasi

Fantasi atau realiti? Siapakah gadis misteri yang melambai dan terus menyepi? Yassin terus bingung mengapa Waheedah hanya muncul setelah terbenam matahari.

PROMOSI!

Tunjukkan kad pelajar anda untuk menikmati potongan harga sehingga 40%

Putera Gunung Himalaya

Karya: Freddy Gunawan

Genre: Komedi Romantis

Tujuh tahun langganan Netflix, tujuh karton Coke Zero; itulah antara tujuh syarat hantaran yang ditetapkan Mat Jambul apabila dirisik oleh keluarga kekasihnya.

Timbulnya Kapal Van Diesel

Karya: Russel Lim

Genre: Sains Fiksyen

Apakah akan anda lakukan sekiranya diberi peluang hidup kembali? Adakah Roma akan menerima cinta lamanya kembali? Atau sebaliknya kekasihnya pula yang menolak cinta Roma?

ANJURAN MEGA EXPRESS INTERNATIONAL

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Buku tulisan Russel Lim bergenre _____.

- (A) fantasi
- (B) sains fiksi
- (C) sastera terkini
- (D) komedi romantik

()

20. Yassin kehairanan kerana _____.

- (A) kapal Van Diesel tiba-tiba timbul
- (B) Mat Jambul meminta tujuh karton Coke Zero
- (C) Mat Jambul meminta tujuh tahun langganan Netflix
- (D) Waheedah cuma menunjukkan diri selepas matahari terbenam

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Tasha hampir sahaja meninggalkan rumah apabila telefonnya berdering. Dalam hati, ingin saja dia membiarkan telefon itu terus berdering. Namun dek tidak sampai hati, Tasha berubah fikiran lalu berpatah balik untuk menjawab panggilan itu.

"Mungkin panggilan ini penting." ingat Tasha. Ketika menjawab panggilan, Tasha **terharu** mendengar suara neneknya di panggilan. 5

"Yakah?" tanya Tasha bagaikan tidak percaya selepas diberitahu neneknya ke mana dia ingin pergi. "Baiklah," kata Tasha. "Saya jumpa nenek di pintu masuk dalam masa setengah jam."

Tasha **tercengang** seketika dengan kepala telefon masih dalam genggamannya. Dia tidak percaya bahawa neneknya yang lazimnya tidak begitu banyak bercakap, sering suka menonton sinetron televisyen, mahu pergi ke kolam renang bersamanya. 10

Nenek sudah pun menunggu di pintu masuk kompleks sukan apabila Tasha tiba. Tasha melambai ke arah neneknya tetapi terhenti beberapa tapak di hadapan neneknya. Dia seakan tidak percaya apa yang dia lihat. Betulkah nenek memakai pakaian renang di bawah jaketnya?

Nenek kemudian memberi isyarat kepada Tasha supaya lekas sikit lalu memimpin tangannya masuk ke dalam kompleks tersebut. Tasha masih tidak percaya apa yang sedang berlaku. Dia terkaku melihat nenek membawanya ke bilik lokar dan menyimpan semua barangan dan pakaian mereka di dalam lokar. Nenek menanggalkan jaket dan celananya sementara Tasha mengagumi bentuk badan neneknya yang langsing dalam pakaian renang. Nenek mengenakan sepasang gogal dan mengarahkan Tasha supaya cepat. 15

Tasha kagum melihat neneknya menyelam ke dalam kolam dengan yakin. Dia berenang dengan begitu pantas dari hujung ke hujung bagaikan duyung. Pada saat itu, Tasha sudah menerima kenyataan. Dia memujuk-mujuk nenek supaya mengajarnya berenang. 20

Sambil tersenyum lebar, nenek mengajar Tasha bagaimana untuk menyesuaikan badan dalam air supaya bisa berenang dengan pantas. Ternyata, Tasha dan neneknya sangat seronok meluangkan masa dengan satu sama lain sehingga tidak lama kemudian, mereka mula bertanding antara satu sama lain - siapa yang boleh menahan nafas paling lama dalam air. 25

Tanggapan Tasha terhadap neneknya mula berubah sejak pertemuan mereka pada hari itu. Tasha menyedari bahawa neneknya merupakan seorang yang **giat** bersukan dan selama ini menggemari kegiatan luar rumah. Beliau merupakan seorang atlet yang cemerlang semasa zaman belianya dan tidak pernah ketinggalan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan. Tasha bertekad untuk mengajak neneknya bila-bila masa dia bermain sukan. Bagaimanapun, Tasha terbayang sama ada datuknya juga meminati sukan, sama seperti mereka. 30

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Mengapakah Tasha berpatah balik untuk menjawab panggilan telefon? (3 markah)

22. Apakah sebabnya Tasha terkejut apabila bercakap dengan neneknya melalui telefon? (3 markah)

23. Apakah di antara petanda bahawa nenek Tasha tidak sabar hendak berenang bersama Tasha. (3 markah)

24. Bagaimanakah zaman muda nenek Tasha mempengaruhi minatnya pada usia tua? (3 markah)

25. Apakah **dua** perkara yang membuat Tasha kagum akan neneknya? (5 markah)

26. Nyatakan **dua** perkara yang dilakukan oleh Tasha dan neneknya sehingga mereka berasa amat seronok ketika berenang bersama. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. terharu (baris 4) (2 markah)

28. tercengang (baris 8) (2 markah)

29. tanggapan (baris 27) (2 markah)

30. giat (baris 28) (2 markah)

SELESAI